

Karnival Kokurikulum UMSKAL berlangsung meriah

UB 23.12.17 B10

KARNIVAL Kokurikulum Semester 1 Sesi 2017/2018 Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (Karkomkal) berlangsung dengan meriah selama dua hari.

Majlis penutupan Karnival Kokurikulum itu yang berlangsung di Dewan Utama UMSKAL telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Akademik), Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar Universiti Malaysia Sabah Dr Jurry Foo @Jurry F Michael.

Turut hadir, Penolong Pendaftar Kanan PKPP UMS Victor Gondipon, Penolong Pendaftar PKPP UMSKAL Mas Adi Alimin selaku Penyelaras Program Karnival Kokurikulum Semester 1, Exco Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa UMSKAL Najiha Putri Zaimi dan Pengarah

Program Karnival Kokurikulum Semester 1 Shaikh Haidhar Husmadi.

Sempena karnival itu, pelbagai acara diadakan termasuk 'Sleep Wrestling' antara wanita dan lelaki, pertandingan makan api, meneka bahan yang diberi melalui deria rasa dengan mata yang tertutup dan 'Amazing Race'.

Pada majlis penutupan pula diadakan penyampaian Anugerah Khas kepada Mohd Azlan Gani atas segala sumbangan beliau kepada PKPP UMSKAL, cabutan bertuah, King of the Night, sesi bergambar bersama tetamu kehormat dan sesi bergambar Family Karkomkal yang terdiri daripada Majlis Tertinggi, Majlis Exco dan Ahli Jawatankuasa serta Pembantu Tadbir PKPP.

Persembahan pelajar Kursus

Kokurikulum SISPA I dan III menyerikan lagi majlis penutupan itu.

Pada hari pertama, diadakan Program Derma Darah anjuran Pelajar Kokurikulum Semester 1 yang dibantu oleh 13 kakitangan Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu di lobi menara UMSKAL.

Rekod menunjukkan seramai 209 penderma yang mendaftar iaitu pencapaian sebanyak 139.33 peratus berbanding sasaran penderma seramai 150 orang sahaja manakala seramai 120 bilangan penderma yang berjaya iaitu sebanyak 57.41 peratus.

Para penderma terdiri daripada pelajar dan kakitangan UMSKAL serta masyarakat setempat.

Turut diadakan acara Sukan Rakyat di Pantai UMSKAL pada 16



JURRY menyampaikan Anugerah Khas kepada Mohd Azlan Gani sambil diperhatikan Mas Adi (kanan).

Disember dari jam 7 hingga 11 pagi.

Manakala pada jam 11 pagi hingga 1 petang pula diadakan Pertandingan Makan Api di tempat meletak kenu.

Peserta berusaha menghabiskan samyang yang pedas secepat yang mungkin. Turut diadakan 'Amazing Race' di sekitar UMSKAL.

Mas Adi berharap menerusi karnival itu, pelajar akan memperolehi nilai tambah dari segi ilmu dan pengalaman menyertai pelbagai acara termasuk mengendalikan acara sukan dan majlis penutupan.

Beliau yakin pelajar akan menggunakan ilmu yang diberikan jurulatih untuk menghadapi pelbagai cabaran sama ada ketika berada di kampus mahupun selepas menamatkan pengajian kelak.

Mas Adi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyayakan karnival kokurikulum pada sesi kali ini.

"Sudah tentu pelajar akan mempelajari sesuatu yang baharu menerusi penganjuran karnival kokurikulum termasuk komunikasi dengan rakan sebaya mahupun pihak yang berkaitan," katanya.

PELAJAR karnival kokurikulum bergambar kenangan bersama tetamu kehormat.

